

19 SEP 1997

Mahathir-kestabilan

GENERASI BARU PERLU KEKAL KESTABILAN

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Cabaran bagi generasi baru ialah untuk terus mengekalkan kestabilan politik dan kemajuan ekonomi negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Tetapi Perdana Menteri berkata bahawa tugas itu bukannya mudah seperti di tahun-tahun awal.

"Kita sudahpun melihat sikap sambil lewa dan kealpaan. Lepak, bohsia, penggunaan dadah dan sebagainya, akan menjejaskan daya tahan dan keazaman golongan muda Malaysia," katanya dalam ucap utamanya berhubung cabaran yang dihadapi generasi baru dalam siri kuliah anjuran Persatuan Alumni Universiti Malaya.

Dr Mahathir juga melahirkan rasa bimbangnyanya terhadap kemerosotan nilai etika kerja.

Katanya di negara maju, tuntutan ialah bagi gaji yang lebih tetapi kerja kurang.

"Malangnya, kecenderungan ke arah kemerosotan yang berlaku di Eropah akan juga kelihatan di Malaysia," kata Dr Mahathir.

Selain itu, terdapat juga tekanan dari luar kerana ketika sebahagian daripada rakyat Malaysia tidak mahu melakukan kerja tertentu, lebih ramai pendatang akan berhijrah ke sini.

"Pada mulanya, mereka datang untuk bekerja, tetapi kemudian mereka akan memulakan kehidupan di sini dan menuntut hak termasuk kewarganegaraan," kata Dr Mahathir.

Rakyat Malaysia, katanya, pastinya tidak mahu memberikan hak itu kepada mereka tetapi dunia luar akan mengenakan tekanan.

"Kita telah melihat bagaimana spekulator penyangak telah merosakkan ekonomi kita dalam proses memperkayakan diri mereka. Ini akan terus berlaku," katanya.

Jika Malaysia dilihat mampu mencapai Wawasan 2020nya, politik dan ekonomi negara ini akan diganggu dan rakyatnya pula akan digunakan untuk tujuan itu, kata beliau.

Dr Mahathir berkata tekanan politik terhadap Malaysia akan bertambah dengan adanya konsep demokrasi Barat yang mengutamakan individu.

Beliau menjangkakan ramai daripada golongan belia akan terpengaruh dan hanya sedikit yang dapat menangkisnya.

"Usaha berterusan akan dibuat bagi mengembalikan semangat rakyat Malaysia, semangat malaysia Boleh.

"Perjuangan akan terus berlaku antara puak patriot dan belia duniawi. Siapa akan menang? Itulah yang menjadi persoalan dan juga cabaran," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

azz mai